

PENERAPAN KEMAHIRAN EMPLOYABILITY MENERUSI KOKURIKULUM BOLA
SEPAK DI KALANGAN PELAJAR KEJURUTERAAN UTHM

MOHAMMAD SHAFIQ GHAZALI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JUN 2013

ABSTRAK

Kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran mengurus diri menerusi kokurikulum sukan bola sepak merupakan dua kemahiran *Employability* yang ditekankan kepada pelajar termasuk kebolehan membina hubungan baik dan berinteraksi dengan orang lain di samping mampu bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama. Selain itu, pelajar dibimbing dalam mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan, dan kebolehan mengenali dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan rakan lain terhadap pelajar KPT. Kerja berpasukan dan mengurus diri ini perlu diamalkan oleh pelajar supaya lebih mudah untuk menyelesaikan sesuatu masalah berkaitan bidang tugas yang diamanahkan kelak yang telah dikaji oleh para sarjana dan pemikir bagi membantu pelajar sedar tahap penerapan, kesedaran dan hubungan kemahiran kerja berpasukan itu penting di kalangan pelajar malah untuk kerjaya mereka kelak. Namun, tidak ramai pelajar yang mengetahui kepentingan kemahiran kerja berpasukan dan mengurus diri. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji penerapan kemahiran *Employability* menerusi kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran mengurus diri. Sampel kajian yang dipilih daripada pelajar yang melibatkan diri dalam kokurikulum bola sepak di UTHM Seramai 41 orang pelajar yang dipilih. Dapatan kajian dianalisis oleh pengkaji sendiri dengan bantuan perisian SPSS versi 16.0 yang berfungsi untuk mengurus segala dapatan kajian. Keputusan mendapati para peserta masih samar-samar dalam sukan bola sepak yang mereka ceburi. Penerapan kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran pengurusan diri menerusi kokurikulum bola sepak dalam kalangan pelajar UTHM yang sedia ada juga masih belum mantap dan perlu diberi perhatian serius.

Kata Kunci: *Kemahiran kerja berpasukan kemahiran mengurus diri kokurikulum sukan bola sepak.*

ABSTRACT

Teamwork and self-management skills through football sports in extra-curricular activities are two employability skills that are emphasized in students. These include the ability to develop relationships and interact with others as well the ability to work effectively among them to achieve the same objective. In addition, students are guided in taking alternating roles between team leaders and team members, and the ability to recognize and respect the attitudes, behaviour and beliefs of other partners in KPT students. Teamwork and self-management skills should be practiced by students so that it will be much easier for them to solve problems related to their field of work in the future, as studied by scholars and thinkers to help students realize the level of implementation, awareness and teamwork skills are important among students for their future careers. However, not many students are aware of the importance of teamwork and self-management skills. Therefore, this study was undertaken to investigate the implementation of employability skills through teamwork and self-management skills. Samples selected are from students who participate in extra-curricular football activities in UTHM. 41 students were selected. Data obtained were analyzed by the researcher using the SPSS software version 16.0 which serves to manage all the findings. Results revealed that the participants are still vague in the football sports that they participate in. Implementation of teamwork skills and self-management skills through extra-curricular football activities among current students in UTHM also need to be strengthened and should be taken seriously.

Keyword: *Teamwork, self-management skills, extra-curricular football activities.*

KANDUNGAN

TAJUK		i
PENGAKUAN		ii
DEDIKASI		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI RAJAH		xiii
SENARAI SINGKATAN		xiv
SENARAI LAMPIRAN		xv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang kajian	4
	1.3 Penyata masalah	6
	1.4 Tujuan kajian	7
	1.5 Objektif kajian	7
	1.6 Persoalan kajian	8
	1.7 Hypothesis	8
	1.8 Kepentingan Kajian	8
	1.9 Skop Kajian	10
	1.10 Batasan Kajian	11
	1.11 Definisi istilah	12
	1.12 Kerangka teori	13
	1.13 Kerangka Konsep	15

	1.14	Rumusan	17
BAB 2		KAJIAN LITERATUR	18
	2.1	Pengenalan	18
	2.2	Kokurikulum Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPN)	18
	2.3	Kokurikulum	19
	2.4	Konsep kokurikulum	20
	2.5	Kesan positif penglibatan pelajar dalam kokurikulum	21
	2.6	Kesan negatif penglibatan pelajar dalam Kokurikulum	23
	2.7	Penglibatan pelajar dalam kokurikulum dan hubungannya dengan pengurusan diri	24
	2.8	Apa itu Bola Sepak	26
	2.9	Model Kajian	27
	2.9.1	Kerangka Konsep Modal Insan	27
	2.9.2	<i>The Conference Board of Canada</i>	28
	2.9.3	Kemahiran Mengurus Diri	29
	2.9.4	Kemahiran Berpasukan	30
	2.10	Kemahiran <i>Employability</i>	31
	2.11	Penerapan Kemahiran <i>Employability</i> dalam Kokurikulum Bola Sepak	33
	2.12	Isu Kemahiran <i>Employability</i>	37
	2.12.1	Kemahiran Mengurus Diri	38
	2.12.2	Kemahiran Berpasukan	39
	2.13	Hierarki Kemahiran <i>Employability</i> yang Dianggap Penting	41
	2.13.1	Kajian-kajian Kemahiran <i>Employability</i> di Industri Pengajian Tinggi	44
	2.13.2	Kajian-kajian Kemahiran <i>Employability</i> di Industri	47
	2.11	Rumusan	51
BAB 3		METODOLOGI	52
	3.1	Pengenalan	52

3.2	Rekabentuk kajian	52
3.3	Populasi dan sampel kajian	54
3.4	Lokasi kajian	54
3.5	Instrumen kajian	55
3.5.1	Borang soal selidik	55
3.6	Kerangka operasi	57
3.7	Kesahan instrument	60
3.8	Kebolehpercayaan instrument	60
3.9	Kajian rintis	61
3.10	Analisis kajian	61
3.10.1	Analisis soal selidik	62
3.11	Dapatan kajian	63
3.12	Rumusan	64
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	65
4.0	Pengenalan	65
4.1	Analisis Dapatan Kajian Rintis	66
4.2	Analisis data demografi	67
4.2.1	Umur	67
4.2.2	Bangsa	68
4.2.3	Bidang pengkhususan	68
4.3	Analisis Dapatan Persoalan Kajian	69
4.4	Analisis Persoalan Kajian ke-1	69
4.5	Analisis Persoalan Kajian 2	72
4.5.1	Bahagian B : Kemahiran Kerja Berpasukan	73
4.5.2	Bahagian B : Kemahiran Mengurus Diri	73
4.6	Analisis Persoalan Kajian ke-3	74
4.7	Analisis Kefahaman Pelajar Terhadap <i>Employability</i>	76
4.8	Rumusan	76
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	77
5.0	Pengenalan	77

5.1	Perbincangan	77
5.1.1	Elemen-elemen kemahiran <i>employability</i> yang diterapkan iaitu kemahiran kerja berpasukan dan pengurusan diri dalam aktiviti kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar di UTHM	78
5.1.2	Elemen-elemen kemahiran <i>employability</i> yang dimiliki oleh pelajar menerusi kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar di UTHM	80
5.1.3	Hubungan terhadap penerapan kemahiran kerja berpasukan dan pengurusan diri dalam aktiviti kokurikulum menerusi bola sepak di UTHM	81
5.1.4	Kefahaman Pelajar terhadap Kemahiran <i>Employability</i>	82
5.2	Cadangan Penambahbaikan	83
5.2.1	Cadangan untuk Institusi UTHM	83
5.2.2	Cadangan untuk Pihak Pusat Sukan UTHM	84
5.2.3	Cadangan untuk Pelajar UTHM	85
5.3	Kesimpulan	86
	RUJUKAN	87
	LAMPIRAN	104

SENARAI JADUAL

3.1	Bahagian-bahagian dalam set soal selidik	56
3.2	Skala Likert bagi persoalan mengenai elemen-elemen penerapan kemahiran kerja berpasukan dan mengurus diri menerusi kokurikulum sukan bola sepak .	56
3.3	Skala Likert bagi persoalan elemen-elemen kemahiran employability yang dimiliki oleh pelajar menerusi kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar di UTHM.	57
3.4	Interpretasi skor min skala Likert	63
4.1	Tafsiran dan tahap kecenderungan skor min	66
4.2	Anggaran kekuatan perhubungan Korelasi <i>Spearman's</i>	67
4.3	Taburan responden mengikut peringkat umur	68
4.4	Bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa	69
4.5	Bilangan dan peratusan responden mengikut bidang pengkhususan	70
4.6	Analisis Skor Min penerapan kemahiran kerja berpasukan dan pengurusan diri dalam aktiviti kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar di UTHM.	71

4.7	Analisis Skor Min Kemahiran Berpasukan	73
4.8	Analisis Skor Min Kemahiran Mengurus Diri	74
4.9	Analisis Korelasi hubungan pelajar tehadap kemahiran kerja berpasukan dan mengurus diri menerusi kokurikulum bola sepak dalam di UTHM.	75
4.10	Analisis kefahaman pelajar terhadap Kemahiran <i>Employabilty</i> .	76

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Teori Kolb (1984)	15
1.2	Kerangka Konsep	16
2.1	Kerangka Konsep Modal Insan oleh Mohamad Sattar Rasul <i>et al</i> (2009)	28
2.2	Perbezaan antara Kerja Berpasukan dan Kerja Berkumpulan	35
2.3	Hierarki kemahiran <i>employability</i> mengikut kehendak industri (Rasul <i>et al.</i> , 2009)	43
4.1	Kerangka OperasI	59
4.2	Analisis Dapat Kajian	63

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam zaman pembangunan yang pesat dan globalisasi ini, pencapaian akademik sahaja tidak menjamin bagi para graduan untuk diterima terus ke pasaran pekerjaan kerana ekspektasi majikan dan cabaran pekerjaan yang semakin meningkat. Graduan perlulah memiliki bukan sahaja kelayakan akademik tetapi kebolehan dan kemahiran yang memberikan nilai tambah yang mampu menarik minat majikan (Said, 2006). Menurut Lankard (1995), walaupun kesemua jenis kemahiran pekerjaan adalah kritikal kepada karier seseorang individu tetapi ia tidak menjamin kejayaan individu dalam pekerjaan. Kokurikulum di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia ketika ini. Ianya telah menjadi satu kegiatan yang diwajibkan kepada setiap pelajar.

Aktiviti kokurikulum dianggap penting sebagai alat untuk memenuhi hasrat unggul dasar pendidikan kebangsaan, iaitu perpaduan di kalangan pelajar-pelajar yang terdiri dari berbilang kaum. Menurut Omar Fauzee, Yusof & Yusof (2002), kokurikulum merupakan suatu pelengkap kepada kehendak dan keperluan kurikulum di mana ia menyediakan pelbagai peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang telah

dipelajarinya. Di peringkat IPT pemerksaan kokurikulum dalam sistem pengajian perlu di beri penekanan sewajarnya. Aktiviti kokurikulum dapat membentuk dan mendidik serta menjanakan mahasiswa dan warganegara yang berilmu, berketrampilan serta holistik yang mementingkan gaya hidup yang aktif dan sihat (Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk IPT, 2006). Kebanyakan majikan berpendapat, kemahiran yang diperlukan oleh seseorang individu untuk menjamin pekerjaan mereka adalah kemahiran 'employability'.

Terdapat beberapa definisi kemahiran 'employability' dan kebanyakannya adalah berkaitan dengan aspek gambaran personal, sikap, tabiat, tingkah laku, cara berkomunikasi, penyelesaian masalah, kemahiran membuat keputusan serta proses mengurus organisasi seperti yang diberikan oleh Buck dan Barrick (1987).

"Employability skill are the attributes of employees, other than technical competence, that make them an asset to the employer. These employability skill include reading, basic arithmetic and other basic; problem solving, decision making, and other higher-order thinking skill; and dependability, a positive attitude, cooperativeness, and other affective skills and traits."

Manakala menurut 'Secretary's Commission on Achieving Necessary Skill' (SCANS, 1991) pula, tiga kemahiran penting yang diperlukan oleh majikan adalah kemahiran teknikal, kemahiran akademik dan kemahiran 'employability'. Hasil kajian SCANS telah mengenal pasti tujuh kompetensi utama dan 40 item kemahiran 'employability' yang diperlukan dalam peringkat kemasukan awal pekerjaan iaitu kemahiran asas, kemahiran berfikir, kemahiran sumber, kemahiran informasional, kemahiran interpersonal, kemahiran sistem dan teknologi dan kualiti personal.

Menurut Omar Fauzee, Yusof & Yusof (2002), kokurikulum merupakan suatu pelengkap kepada kehendak dan keperluan kurikulum di mana ia menyediakan pelbagai peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang telah dipelajarinya. IPT pemerksaan kokurikulum dalam sistem pengajian perlu di beri penekanan sewajarnya. Langkah ini sejajar dengan dasar Kementerian Pengajian Tinggi yang menerima guna pencapaian kokurikulum seseorang pelajar semasa di sekolah menengah. Aktiviti kokurikulum dapat membentuk dan mendidik serta menjanakan mahasiswa dan

warganegara yang berilmu, ketrampilan serta holistik yang mementingkan gaya hidup yang aktif dan sihat (Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk IPT, 2006).

Bagi menerapkan kemahiran kerja berpasukan dalam diri individu, ianya perlu dari tempat latihan hingga ke perlawanan sebenar. Secara mudahnya, kerja berpasukan merujuk kepada sekumpulan pekerja dalam organisasi yang menjalankan tugas secara berganding bahu antara satu sama lain dan sama-sama bergabung bagi mencapai matlamat kumpulan. Ahli-ahli pasukan akan berinteraksi rapat, berkongsi maklumat membuat keputusan dan memikul tanggungjawab (Sidal, 2004). Abdullah (2008) menyatakan bahawa di sinilah lahirnya generasi yang mempunyai tiket untuk masa depan iaitu dalam bidang kerjaya. Sekiranya kita percaya kepada matlamat melahirkan insan yang sepadu dan seimbang, paradigma yang sepatutnya digunakan ialah memberikan penekanan seimbang terhadap kedua-dua komponen akademik dan kokurikulum dalam sistem pendidikan kita hari ini.

Dalam pengurusan diri, terdapat ilmu mengurus diri (*knowledge to manage self*). Kualiti hidup merupakan satu darjah kesejahteraan yang dirasai atau dinikmati oleh individu atau sekumpulan manusia (Ross dan Willigen, 1997). Mengurus diri boleh dilihat daripada pelbagai perspektif, serta dapat didefinisikan dalam pelbagai cara. Namun demikian, ia tidak boleh diukur secara langsung kerana mengurus diri bukanlah satu konsep yang konkrit. sangat tepat dilihat sebagai konsep yang tersusun untuk membentuk polisi dan tindakan bagi meningkatkan taraf kehidupan manusia.

Keseimbangan ini tidak semestinya sama dari segi masa, tenaga dan dana diperuntukkan. Jika kita mempunyai alasan kukuh untuk membahagikan masa, tenaga dan dana yang lebih kepada akademik, maka, ia adalah wajar. Maksud seimbang di sini ialah kedua-dua komponen itu perlu diberikan perhatian sewajarnya, yang bersesuaian dengan kepentingannya dan tidak ada komponen dipinggirkan. Malangnya, sistem pendidikan kita terlalu menekankan akademik malah kita terlalu berorientasi peperiksaan Masalah kita ialah apabila pelajar merosot akademiknya, fokus kita ialah kokurikulum. Sepatutnya, fokus kita ialah kualiti akademik ditawarkan kepadanya. Jika masalah pelajar itu ialah akademiknya, maka perbaikilah akademiknya, bukannya menyekat kokurikulumnya. Menyekat pelajar terhadap kokurikulum diminatinya bukanlah caranya untuk meningkatkan minatnya terhadap akademiknya. Kokurikulum mesti dilihat dengan paradigma bahawa ia mempunyai

kepentingan seimbang dengan akademik. Kokurikulum mesti dilihat sebagai pelengkap kepada akademik. sebagai sebahagian daripada cara hidup. Justeru itu, kokurikulum mesti diberikan ruang lebih luas dari sekolah rendah hinggalah ke universiti.

1.2 Latar Belakang masalah

Kebolehpasaran peelatih menjadi isu utama yang kritikal dimana berlaku kepincangan dalam kemahiran bukan teknikal (generik) dikalangan mereka. Kamal Khir (2006) berpandangan kelemahan dapat dilihat dalam kedua-dua kemahiran; teknikal dan generik. Sistem pendidikan negara (teknik dan vokasional) perlu mencorak langkah untuk merencana strategi menambahbaik mutu graduan yang dihasilkan. Sistem pendidikan teknik dan vokasional perlu menitikberatkan elemen kemahiran generik. Majikan pascamoden ini bijak memilih pekerja yang mempunyai pelbagai kemahiran (*multi-skilled*), mempunyai ciri kepimpinan dan berpengetahuan dalam disiplin. Graduan yang berpotensi dan mahir dalam teknologi maklumat, inovatif serta kreatif menjadi keutamaan. Cabaran dalam pasaran kerja dan kebolehkerjaan menjadi suatu isu yang seolah-olah tiada penghujungnya. Pasaran kerja pada zaman moden ini lebih bersifat dinamik lantaran kemajuan teknologi tinggi dan kepelbagaian keperluan oleh majikan. Keadaan ini menimbulkan pelbagai isu seperti pengangguran dan tawaran pekerjaan yang tidak setara dengan kursus pengajian. Anggaran tidak rasmi menunjukkan bahawa jumlah pengangguran siswazah mencecah seramai 60 ribu orang, atau merupakan 11 peratus daripada jumlah yang menganggur (Ishak & Yusof, 2006). Namun begitu, hasil kajian Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) (2004) menunjukkan bahawa Bahari (2002) menyentuh tentang masalah yang melibatkan kurangnya penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum khususnya sukan. Halangan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dibebankan lagi dengan pengendalian program yang tidak sempurna. Sebagai contoh terdapat aktiviti pada hari kokurikulum hanya dikendalikan oleh kumpulan pelajar yang sememangnya kurang berpengalaman tanpa pemantauan dari guru terlibat. Kesannya pelajar tidak berminat untuk melibatkan diri. Ariff (2002) merumuskan bahawa antara punca

graduan tempatan gagal dalam temuduga dalam kebanyakan syarikat adalah gagal menyakinkan penemuduga mengenai kelebihan yang ada pada diri masing-masing dan mereka tidak mampu mengeluarkan pemikiran yang bernas manakala Nordin (2006) menyatakan para graduan harus mempunyai elemen kemahiran insaniah dalam diri jika mereka ingin menempatkan diri dalam bidang pekerjaan iaitu seperti kemahiran kerja berpasukan dan mengurus diri.

Aktiviti kokurikulum yang diadakan di institusi-institusi pengajian adalah bertujuan untuk memberi pengalaman dan membantu pelajar dalam mencapai kehidupan yang sempurna disamping mencapai tujuan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam usaha melahirkan pelajar pelajar yang seimbang dalam aspek rohani, jasmani dan intelek dan emosi (JERI). Sebaliknya, terdapat banyak masalah atau perkara negatif pula dalam penglibatan kokurikulum iaitu seperti sikap pelajar yang ego, disiplin yang kurang, tiada komitmen, tiada minat, penjanaan idea lemah dan tiada ketepatan masa dan tidak mahu mendengar pandangan atau idea rakan sepasukan. Kurangnya graduan mendapat tempat di alam pekerjaan adalah bermulanya dari kelemahan praktikal pelajar iaitu seperti penglibatan pelajar dalam kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran pengurusan diri menerusi kokurikulum sukan bola sepak.

Sejujurnya kokurikulum sukan bola sepak ini adalah untuk memupuk dan membentuk kemahiran kerja berpasukan yang tinggi dan memberi pelaksanaan kemahiran pengurusan diri iaitu untuk melihat nilai-nilai kerjasama dengan rakan sepasukan serta dapat mendisiplinkan diri mereka. Justeru itu, kajian ini dilakukan adalah untuk melihat tahap penerapan dan penguasaan terhadap kemahiran kerja berpasukan dan mengurus diri menerusi kokurikulum bola sepak di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) samada mempunyai kepentingan dan kemahiran yang akan membantu pelajar disamping melahirkan modal insan yang cemerlang, dan juga memenuhi kelayakan yang diperlukan oleh majikan.

Menurut *The Australian Industry* (2007) dalam jurnal bertajuk *Graduate Employability Skills* menyatakan bahawa lulusan universiti tidak mempunyai kemahiran generik menyebabkan mereka tidak mendapat tempat di pasaran kerja. Hal ini terjadi kerana pelajar lebih menumpukan akademik semata-mata tanpa melibatkan diri dalam sebarang aktiviti luar semasa di universiti. Selain penglibatan dalam gerak kerja berasaskan kumpulan di dalam kelas, kemahiran generik boleh di pupuk melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

Pandangan umum sering merujuk kegagalan siswazah mendapat pekerjaan disebabkan mereka tidak memiliki KI yang diperlukan majikan (Hassan *et al.*, 2008). Terdapat rungutan dan kebimbangan yang disuarakan oleh para majikan sejak akhir-akhir ini bahawa Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tidak menyediakan pelajarnya dengan ilmu dan kemahiran yang secukupnya untuk mereka melangkah ke alam pekerjaan. Menurut Juhdi, Pa'Wan, Othman & Moxin (2010), selain pencapaian akademik cemerlang, siswazah perlu mempunyai KI yang tinggi termasuk komunikasi secara berkesan dan beberapa kemahiran lain seperti kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis, keusahawanan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat serta etika dan moral professional.

Universiti perlu melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja menguasai kemahiran kognitif (akademik, penguasaan pelbagai ilmu dan iktis) juga mesti memiliki ciri kepimpinan, kemahiran sosial dan kematangan emosi yang ditunjangi nilai kerohanian (Mohamad Arip & Yusof, 2006). Paradigma pendidikan hari ini yang luas skopnya dan tidak lagi terbatas di sekitar buku teks akademik dan rujukan semata-mata. Mahasiswa kini tidak boleh memberikan tumpuan kepada pencapaian akademik semata-mata tetapi juga perlu melengkapkan diri dengan pelbagai jenis kemahiran untuk membentuk keterampilan yang sempurna (Kulop, 1993).

1.3 Penyata Masalah

Daripada latar belakang masalah, di dapati antara sebab berlakunya masalah pengangguran dalam kalangan graduan adalah kurangnya penguasaan KI. Universiti perlu mencari formula untuk memperbaiki *outcomes* pelaksanaan kokurikulum supaya tidak hanya berfokus daripada aktiviti yang sedia ada. Menurutny lagi, pengajaran terhadap nilai yang di pupuk adalah penting supaya graduan yang bakal keluar kelak memiliki kebolehpasaran yang tinggi di samping tidak terlalu mengharapakan pekerjaan dari sektor kerajaan atau swasta. Dalam hal ini, universiti perlu memainkan peranan penting untuk menerapkan kemahiran *employability* dalam kokurikulum kepada pelajar supaya graduan berkebolehan untuk bekerja sendiri. Permainan bola sepak merupakan salah satu mata pelajaran yang ditawarkan dalam

kokurikulum di IPTA. Oleh yang demikian, penyelidik ingin mengkaji sejauh mana KI khususnya kemahiran *employability* dapat dibentuk melalui kokurikulum permainan bola sepak di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti samada penerapan, dan penguasaan kemahiran kerja berpasukan dan mengurus diri yang di amalkan oleh individu pelajar menerusi kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar UTHM dikuasai ataupun sebaliknya.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan kepada beberapa objektif kajian seperti berikut:

- i. Mengetahui penerapan kemahiran kerja berpasukan dan mengurus diri menerusi kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar di UTHM.
- ii. Mengetahui elemen-elemen kemahiran *employability* yang dimiliki oleh pelajar menerusi kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar di UTHM.
- iii. Mengetahui hubungan pelajar terhadap kemahiran kerja berpasukan dan mengurus diri menerusi kokurikulum bola sepak dalam di UTHM.

1.6 Persoalan Kajian

Soalan kajian yang dibentuk adalah seperti berikut:

- i. Adakah terdapat penerapan kemahiran kerja berpasukan dan pengurusan diri dalam aktiviti kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar di UTHM?
- ii. Apakah elemen-elemen kemahiran employability yang dimiliki oleh pelajar menerusi kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar di UTHM.
- iii. Sejauh manakah hubungan terhadap penerapan kemahiran kerja berpasukan dan pengurusan diri dalam aktiviti kokurikulum menerusi bola sepak di UTHM?

1.7 Hypothesis

H0: Tidak terdapat hubungan signifikan antara kemahiran kerja berpasukan dan pengurusan diri dalam aktiviti kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar di UTHM?

H1: Terdapat hubungan signifikan antara kemahiran kerja berpasukan dan pengurusan diri dalam aktiviti kokurikulum sukan bola sepak dalam kalangan pelajar di UTHM?

1.8 Kepentingan Kajian

Pelaksanaan pendekatan baru menerusi kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran pengurusan diri adalah untuk mengubah peranan individu pelajar melalui aktiviti kokurikulum iaitu sukan bola sepak. Melalui semangat kerja berpasukan dan

mengurus diri ini adalah untuk melihat sejauh manakah penerapan kemahiran semangat kerja berpasukan dan mengurus diri diamalkan oleh pelajar tersebut. Matlamat pendidikan adalah dicapai dengan wujudnya pertalian erat serta disiplin antara kokurikulum dengan semangat kerja berpasukan dan mengurus diri melalui sukan bola sepak dimana untuk melihat pelajar tersebut menerapkan ciri-ciri yang ada dalam kerja berpasukan dan mengurus diri, pelaksanaan kokurikulum ini adalah satu paradigma baru untuk dalam pendidikan disamping untuk masa depan pelajar tersebut kerana majikan pada masa kini amat mementingkan ciri-ciri tersebut. Hasil daripada kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada:

a) Industri.

Kajian ini dapat memberi peluang kepada pihak majikan untuk memberikan input sebenar berkenaan kemahiran insaniah terutamanya kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran pengurusan diri yang diperlukan di dalam industri. Tambahan pula, pihak majikan tidak perlu memperuntukan kos yang banyak sekadar untuk memberikan latihan asas kepada graduan yang baru bekerja dan secara tidak langsung dapat mengurangkan beban kepada pihak industri sendiri.

b) UTHM

Diharapkan kajian ini dapat memberikan maklumat kepada UTHM tentang kemahiran berpasukan dan mengurus diri menerusi kokurikulum bola sepak yang diperlukan oleh pihak industri dan memberi maklumat baru berkenaan kemahiran berpasukan dan kemahiran pengurusan diri yang dikuasai oleh pelajar mereka sekaligus mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan graduan memandangkan kemahiran ini sangat ditekankan oleh pihak majikan pada masa kini.

c) Pelajar, Ibu Bapa dan Masyarakat

Kajian ini diharapkan dapat mengubah tanggapan pelajar, ibu bapa dan masyarakat terhadap kebolehan dan keupayaan institusi pengajian tinggi UTHM lebih-lebih lagi dalam peglibatan pelajar dalam kokurikulum tidak semestinya

boleh melalaikan pelajar. Tetapi sebaliknya apabila pelajar menerapkan kemahiran kerja berpasukan dapat menjamin masa depan pelajar kerana dapat memenuhi keperluan kerja berpasukan dan mengurus diri menerusi kokurikulum bola sepak.

1.9 Skop Kajian

Skop kajian adalah bertujuan untuk membentangkan dapatan yang cuba meninjau penerapan kemahiran kerja berpasukan menerusi penglibatan pelajar dalam kokurikulum sukan bola sepak di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Secara ringkasnya tinjauan ini difokuskan kepada :

a) Lokasi

Skop kajian adalah bertujuan untuk membentangkan dapatan yang cuba meninjau penerapan kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran pengurusan diri menerusi penglibatan pelajar dalam kokurikulum sukan bola sepak di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

b) Responden

Penyelidik meninjau tahap penerapan dan hubungan terhadap pelajar sarjana muda yang mengambil kokurikulum bola sepak ber kredit.

c) Tahap-tahap Kemahiran Berpasukan

Penyelidik menfokuskan empat tahap kemahiran kerja berpasukan iaitu :

- i. Kebolehan untuk membina hubungan yang baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama.

- ii. Kebolehan untuk memahami dan mengambil bahagian peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan.
- iii. Kebolehan untuk memberikan sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan.
- iv. Bertanggungjawab terhadap keputusan kumpulan. Pemilihan ini adalah berdasarkan melihat sejauhmana penglibatan pelajar dalam kokurikulum dan melihat sejauhmana penerapan pelajar tersebut.

d) Tahap-tahap Kemahiran Pengurusan Diri

Penyelidik menfokuskan tiga tahap kemahiran pengurusan diri iaitu :

- i. Menunjukkan sikap dan perlakuan positif dalam membentuk diri.
- ii. Bertanggungjawab dalam merancang dan mengurus masa, kewangan dan sumber lain dalam mencapai sesuatu matlamat
- iii. Berkebolehan menyesuaikan diri dalam Mengiktiraf dan menghormati perbezaan pendapat seseorang dan juga individu.

1.10 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, batasan-batasan kajian yang perlu dikenal pasti adalah seperti berikut:

a) Masa

Memandangkan kajian ini hanya masa yang diperuntukkan untuk membuat kajian ialah dua semester iaitu bersamaan dengan satu tahun. Tempoh ini sebenarnya tidak mencukupi untuk mengkaji dengan lebih mendalam terhadap pembentukan kemahiran kerja berpasukan dan pengurusan diri pelajar menerusi kokurikulum bola sepak. Bagi mendapatkan data yang lebih mendalam, masa yang lebih lama diperlukan tambahan permainan ini menjalani latihan yang serius pada pertengahan tahun sahaja.

b) Kewangan.

Kajian ini dijalankan di UTHM sahaja disebabkan jarak membataskan penyelidik untuk membuat kajian di IPTA yang lain di samping faktor kewangan penyelidik sebagai pelajar membataskan penyelidik untuk membuat kajian di kawasan yang lebih luas.

c) Kefahaman responden terhadap soal selidik

Kefahaman responden terhadap soal selidik yang diedarkan juga adalah penting. Hal ini adalah kerana keadaan ini akan mempengaruhi jawapan yang akan diberikan oleh responden. Jika responden faham dengan soalan yang diberikan, maka jawapan yang diberikan adalah jawapan yang sepatutnya. Jika responden tidak faham dengan soalan, keadaan yang sebaliknya akan berlaku.

d) Kejujuran responden

Ketepatan kajian ini banyak bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan para responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan kepada mereka tanpa sebarang prejudis.

1.11 Definisi istilah

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah penting yang akan dihuraikan yang mana definisi istilah ini merujuk kepada konteks kajian. Istilah-Istilah tersebut adalah seperti berikut.

a) Penerapan

Ensiklopedia Global (2001) mendefinisikan penerapan sebagai perihal atau perbuatan menerapkan, mengenakan, menyerapkan dan mempraktikkan dan sebagainya. Dalam konteks penyelidikan ini, penerapan ialah hasil daripada penglibatan pelajar dalam permainan. badminton di UTHM.

b) Kemahiran

Kemahiran merupakan kebolehan untuk mendapatkan pengetahuan dalam peringkat menyempurnakan tugas (Expert Panel On Skills, 2000). Gallagher (1999), pula merumuskan kemahiran sebagai set kemahiran yang merangkumi asas, teknikal, pengurusan dan kemimpinan.

c) Kokurikulum

Kokurikulum adalah aktiviti pembelajaran tidak formal yang berteraskan keperluan pelajar mengalami sendiri aktiviti-aktiviti kependidikan dalam keadaan sebenar (Abd. Wahab, 2002).

d) Universiti

Menurut Ensiklopedia Malaysiana (1996), universiti bermaksud institusi pengajian tinggi yang terdiri daripada pelbagai fakulti untuk mengajar ilmu pengetahuan yang tertentu (mengikut bidang fakulti) serta melakukan penyelidikan.


1.12 Kerangka teori

Kerangka teori seperti Rajah 1.1 merupakan asas kajian bagi penyelidik dalam melaksanakan kajian ini. Penyelidik mengadaptasi teori ini berdasarkan Teori Kolb (1984). Kolb menyifatkan Antara konsep utama teori gaya pembelajaran Kolb

(1984), adalah pembelajaran dianggap sebagai proses yang holistik dan tidak ada titik hujungnya. Proses pembelajaran akan menunjukkan dengan jelasnya cara-cara bagaimana pengetahuan diperolehi dan dicipta melalui interaksi seseorang itu dengan persekitarannya. Model ini mengkategorikan pelajar atau seseorang individu kepada dua bentuk kecenderungan iaitu pertama; pengalaman konkrit, atau konseptualisasi abstrak iaitu bagaimana seseorang pelajar mengaplikasikan informasi dan kedua pengkajian aktif atau pemerhatian reflektif iaitu bagaimana seseorang pelajar memahami informasi.

Penyelidik mengaitkan teori ini dalam kemahiran kerja berpasukan dan pengurusan diri iaitu pelajar akan belajar melalui pengalaman berkaitan dengan penerapan dan penguasaan kemahiran berpasukan dan pengurusan diri menerusi kokurikulum bola sepak. Teori ini dapat dijelaskan dalam bentuk satu kitaran (Rajah 1.1). Kolb menerangkan dimensi pertama pada paksi menegak ialah dimensi menerima maklumat atau hasil iaitu sama ada secara pengalaman konkrit iaitu dengan merasai (feeling) atau konseptual abstrak iaitu secara berfikir pada paksi yang bertentangan. Pengalaman konkrit bermaksud pelajar memperoleh maklumat dengan pengalaman langsung sementara konseptual abstrak adalah secara pemahaman konsep manakala Bentuk persoalan yang bertepatan dengan pelajar ini ialah „bagaimana jika“. Para pelajar dalam pasukan ini gemar mengaplikasikan informasi-informasi atau maklumat-maklumat yang dipelajari ke dalam situasi baru seperti pelajar yang terlibat dalam kokurikulum bola sepak mencari jalan dan idea untuk mengejar matlamat mereka menjaringkan gol. Dimensi kedua ialah keupayaan memproses maklumat pada dua paksi iaitu sama ada secara pemerhatian reflektif iaitu memerhati atau secara eksperimentasi aktif iaitu dengan melakukannya.


Pelajar memproses maklumat sama ada dengan refleksi secara sengaja atau secara melakukan sesuatu iaitu eksperimentasi aktif Bentuk persoalan yang bertepatan dengan pelajar gaya ini ialah bermula dengan gaya „bagaimana“. Mereka sentiasa memberikan kerjasama dan berusaha menyelesaikan setiap masalah yang dikemukakan kepada mereka . Oleh itu, penyelidik mengaplikasikan teori ini berdasarkan kesesuaian objektif yang hendak dicapai dalam kajian penyelidik untuk melihat penerapan kemahiran kerja berpasukan dan pengurusan diri menerusi kokurikulum sukan bola sepak berdasarkan empat tahap kemahiran kerja berpasukan dan tiga tahap kemahiran pengurusan diri.



Rajah 1.1: Kerangka Teori Kolb (1984)

1.13 Kerangka Konsep

Kerangka konsep seperti Rajah 1.2 merupakan asas kajian bagi pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Kerangka konsep ini dibina bagi mengkaji penerapan kemahiran keusahawan menerusi kelab badminton dalam kalangan pelajar UTHM menerusi kegiatan kokurikulum. Berdasarkan kajian ini, kemahiran keusahawanan dikaji berdasarkan elemen-elemen yang terdapat dari modul KI yang diterbitkan oleh KPT (2006) yang merangkumi empat elemen. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konsep bagi kajian ini.



Rajah 1.2: Kerangka Konsep

1.14 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan dan menjelaskan mengenai perkara-perkara asas yang menjadi garis panduan kepada hala tuju kajian ini. Ianya meliputi latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional yang ditekankan dalam menjalankan kajian ini. Dalam bahagian objektif kajian, penyelidik telah menetapkan apa yang hendak dicapai pada akhir kajian ini. Persoalan-persoalan kajian turut ditentukan berdasarkan objektif-objektif yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Kajian ini turut meletakkan skop kajian agar ia tidak tersasar daripada fokus kajian sebenar. Bab 2 seterusnya akan lebih menekankan kepada penerangan dengan lebih lanjut berkaitan kajian literatur untuk menyokong kajian ini.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan ulasan maklumat yang diperolehi daripada jurnal, buku, dokumen, dan penyelidikan-penyelidikan lepas untuk sesuatu penyelidikan baru. Secara amnya, pengendalian tinjauan literatur merupakan salah satu proses dalam penyelidikan untuk mengenalpasti sama ada sesuatu penyelidikan yang dirancang telah dilaksanakan oleh penyelidik lain (Idris, 2011).

2.2 Kokurikulum Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPN)

Berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPN), kokurikulum merupakan salah satu usaha untuk melahirkan pelajar yang seimbang merangkumi aspek-aspek rohani, jasmani, emosi, intelek dan sosial. Ini merupakan satu cabaran yang perlu disahut oleh semua guru di Malaysia untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam

kurikulum dan juga kokurikulum (Laporan Jawatankuasa kabinet: Dasar Pelajaran 1979). Ab. Manaf & Omar Fauzee (2002) menyatakan bahawa kokurikulum merupakan pelengkap kepada kehendak dan kepentingan kurikulum di mana aktiviti kokurikulum menyediakan peluang kepada pelajar untuk menambahkan, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai murni yang dipelajari.

2.3 Kokurikulum

Kokurikulum adalah aktiviti kokurikulum yang merupakan rangkaian pengalaman pembelajaran yang berkesinambungan. Pendidikan melalui kokurikulum ditakrifkan sebagai satu pengalaman pembelajaran meliputi aspek akal, adab, fizikal, efektif dan sosial yang diterapkan secara formal supaya dapat mengamati, menghayati, menganalisis dan disamping timbulnya kemahiran berpasukan dalam diri. Oleh itu, kokurikulum adalah merupakan salah satu usaha untuk menjadikan pendidikan seimbang iaitu antara perkembangan mental dengan kerohanian. Ia tidak sesekali tidak bertujuan membebankan pelajar dengan tanggungjawab yang bukan-bukan. Melalui penyertaan pelajar dalam kegiatan berkumpulan seumpama itu, pelajar akan dapat mempelajari sifat-sifat bertanggungjawab sebagai anggota pasukan dan menjadi panduan apabila memasuki dunia masyarakat kelak Jaafar & Yusof (2002).

Aktiviti kokurikulum adalah satu elemen yang telah ditetapkan dan diwajibkan dalam kurikulum. Kajian (Nordin & Othman 2006) menjelaskan bahawa aktiviti kokurikulum dapat dilihat sebagai pengalaman perantaraan di antara alam persekolahan dengan alam luar dan seterusnya alam dewasa. Menurut (Jaafar & Yusof 2002) ada menggariskan bahawa kecemerlangan dalam bidang kokurikulum seperti bidang sukan dan permainan dan aktiviti pasukan uniform berkait rapat dengan realiti hidup dan kepentingan dari segi pekerjaan profesional. Hal ini perlu dititikberatkan kerana setiap individu yang melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum bertanggungjawab mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang permainan di mana dapat menguji semangat berpasukan, komunikasi, kepimpinan ketua pasukan dan kemampuan menyelesaikan masalah atau krisis yang berlaku semasa aktiviti dijalankan. Aktiviti kokurikulum dapat memberi khidmat kepada pembangunan kemasyarakatan di sekolah supaya pelajar yang menyertai aktiviti

tersebut berpuas hati apabila memberi khidmat sosial samada dalam bentuk projek-projek mengindahkan sekolah ataupun memperbaiki kemudahan awam di sekolah, lebih-lebih lagi jika mereka diiktiraf dan diberi penghargaan (Jaafar & Yusof, 2002).

Kegiatan kokurikulum juga merupakan suatu aktiviti yang dapat mengembangkan kemahiran sosial. Penglibatan dalam persatuan, kelab dan badan-badan kebajikan akan mengembangkan kemahiran bersosial, bercampur gaul, berhubung mesra dan akhirnya berkeupayaan dalam perhubungan awam yang boleh dimanfaatkan dalam masyarakat kelak. Seterusnya, yang paling penting ialah kokurikulum membentuk personaliti yang positif dan rasa tanggungjawab. Sifat-sifat tersebut berguna dalam meningkatkan kualiti diri dan teramat penting dari segi mutu kepimpinan dalam organisasi. Dalam masa yang sama, pencapaian yang tinggi dalam bakat, sukan dan kepimpinan mempunyai kepentingan dari segi mobiliti sosial di sekolah serta pelajar tersebut layak dipertimbangkan ganjaran yang istimewa (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

2.4 Konsep kokurikulum

